

Kawasan rumah sering tenggelam



Keadaan sistem saliran yang pecah sehingga mengundang masalah banjir kilat setiap kali hujan lebat.

SUNGAI BUAYA -

Penduduk berhampiran Jalan Kemboja 10 berharap pihak bertanggungjawab dapat membantu menyelesaikan masalah sistem saliran di sini yang berlaku sejak beberapa bulan lalu.

Seorang suri rumah, Yusni Darham, 51, berkata, keadaan sistem saliran di sini yang terganggu menyebabkan masalah banjir kilat khususnya pada waktu hujan lebat.

"Kalau hujan lebat tanpa henti dalam tempoh satu hingga dua jam, mesti pekarangan rumah saya akan tenggelam.



YUSNI

"Walaupun air tak masuk rumah, tapi kami susah untuk keluar masuk sebab jalan penuh dengan air," katanya kepada Sinar Harian.

Dalam pada itu, Naib Yang Dipertua Persatuan Penduduk Bandar Sungai Buaya, Wan Hairul Anuar Abdullah berkata, masalah sistem saliran berkenaan terganggu berpunca daripada keadaan sistem perparitan yang pecah.

"Penduduk di sini sudah lama berdepan dengan masalah sistem saliran tersebut dan pihak berkenaan sewajarnya membantu dalam menyelesaikan perkara ini," katanya.